




Budaya perdamaian BUDAYA KITA

Kamarulzaman Askandar



03.66
KAM

Our Culture of Peace

KEMERDEKAAN
SEKOLAH

Copyright by Research and Education for Peace (REPUSM) and
Southeast Asian Conflict Studies Network (SEACSN)
All rights reserved

First Edition, 2006

Kamarulzaman Askandar, 1965

Budaya Perdamaian Budaya Kita = Our Culture of Peace / Kamarulzaman
Askandar

ISBN 983-3391-85-0

I. Peace. I. Judul.II. Judul : Our culture of peace

303.6609595

Published by
Research and Education for Peace (REPUSM)
Southeast Asian Conflict Studies Network (SEACSN)

Research and Education for Peace
School of Social Sciences
Universiti Sains Malaysia
11800 Penang, Malaysia
Tel : +604-653 2123, +604-653 2658
Fax : +604-657 7070
Email : rep@usm.my
Website : www.seacsn.net

Author : Kamarulzaman Askandar
Cover & Layout Design : Fadzilahnor Ismail
Cover Photo : Taken by Kamarulzaman Askandar
"The children of Lebuh Taman Bukit, Taman Bukit,
Bukit Mertajam"

From left to right: Subadra Devi, Thrao Pathy, Dewi Karina,
Nathaniel Lee, Muhammad Hariz, Muhammad Haekal,
Lokeswara, R. Thashrindra, dan Jeremy Lee (dibekalkan)

Budaya Perdamaian Budaya Kita

Kamarulzaman Askandar

Our Culture of Peace



PUSTAKA PERDANA



1008408

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISI KANDUNGAN

1 *Budaya Perdamaian Budaya Kita!*

Hubungan Etnik, Perpaduan, dan Perdamaian 1

Deklarasi Nilai Budaya Perdamaian: "Budaya Perdamaian Budaya Kita" 6

Nota akhir 9

2 *Strategi Perpaduan dan Perdamaian di Malaysia*

Pengenalan 10

Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan Multikulturalisme 11

Strategi-strategi Perpaduan dan Perdamaian 12

 a) Mewujudkan matlamat akhir yang dikongsi bersama 13

 b) Pelaksanaan polisi-polisi bahasa yang menggalakkan perpaduan 13

 c) Mempromosikan hubungan sosial yang erat 14

 d) Mengelakkan kekayaan dan kemiskinan yang melampau (dan mengurangkan jurang antara kaya dan miskin). 14

 e) Langkah-langkah pendidikan 15

 f) Mempromosikan pendidikan perdamaian di Malaysia 16

Peranan Masyarakat Sivil dalam Mempromosikan Perdamaian 19

Kesimpulan 23

Nota akhir 25

3 *Peranan Budaya dan Agama dalam Membina Perdamaian*

Pengenalan 26

"Aksi Pengimbangan" 26

Peranan Budaya dan Agama dalam Membina Perdamaian 29

 i) Menguruskan konflik dengan menggunakan proses "Musyawarah" 32

 ii) Memahami dan menguruskan kumpulan militan (sebagai sebahagian dari memahami dan menguruskan konflik) 35

Budaya Perdamaian dan Pendidikan Perdamaian 38

Kesimpulan 42

Nota akhir 44

CONTENTS

4	<i>Peace is Our Culture!</i>	
	Ethnic Relation, Unity, and Peace	46
	The Peace Values Declaration: "Peace is Our Culture!"	50
	Endnotes	53
5	<i>Strategies for Unity and Peace in Malaysia</i>	
	Introduction	54
	Unity in Diversity and Multiculturalism	55
	Strategies for Unity and Peace	56
	a) Creating super-ordinate goals	56
	b) Implimenting integrative language policies	57
	c) Promoting cross-cutting social ties	57
	d) Avoiding extremes of wealth and poverty (and reducing the gap between the rich and poor)	58
	e) Educational provisions	58
	f) Promoting peace education in Malaysia	59
	Roles of Civil Society in Promoting Peace	61
	Conclusions	66
	Endnotes	67
6	<i>The Roles of Cultures and Religious in Building Peace</i>	
	Introduction	68
	The "Balancing Act"	68
	The Roles of Culture and Religion in Building Peace	70
	i) Managing conflict using the process of " <i>Musyawaharah</i> "	73
	ii) Understanding and managing militant movements (as part of understanding and managing conflicts)	75
	The Culture of Peace and Peace Education	77
	Conclusions	81
	Endnotes	82
	Biodata Penulis	45
	Notes on the Author	84

Untuk Semua Anak-Anak Kita...

To All Our Children...



“Budaya Perdamaian Budaya Kita!”

Hubungan Etnik, Perpaduan, dan Perdamaian¹

Negara yang dianggap paling maju sekalipun, harus berusaha melakukan penyelidikan dan inovasi untuk terus menjadi lebih maju. Begitu juga negara yang dianggap paling aman juga harus terus berusaha untuk mengekalkan keamanan negara tersebut. Malaysia bukanlah negara yang paling maju maupun yang paling aman. Kita mempunyai wawasan yang tertentu untuk menjadi negara maju dan banyak tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kita akan dapat mencapai sasaran kita tepat pada waktu yang ditetapkan. Kita juga terus berusaha dan cuba mencari jalan bukan saja untuk mengekalkan keamanan yang telah sedia ada, tetapi mencari penyelesaian kepada isu-isu yang boleh memantapkan keamanan dalam masyarakat Malaysia. Salah satu isu fokus yang sering memberikan cabaran kepada kita ialah isu hubungan etnik.

Hubungan etnik adalah antara isu yang paling penting dalam sejarah pembentukan negara-bangsa Malaysia. Dalam sebuah negara multi-etnik, dengan sistem politik yang berpaksikan etnik, dengan banyak parti politik yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan kumpulan etnik mereka yang tersendiri, etnisiti sering dipolitikkan untuk mendapat undi, kuasa, dan kekuasaan. Etnisiti dalam konteks ini bukan sahaja merupakan simbol yang mencerminkan, menggambarkan, atau mewakili sesuatu kumpulan, tetapi ianya juga boleh dan sering digunakan sebagai alat mendapatkan sesuatu kepentingan. Etnisiti, kalau dilihat secara kasar, mempunyai kedua-dua konotasi positif dan negatif, tergantung kepada bagaimana ianya diterima dan digunakan. Manusia, sebagai individu, maupun sebagai sebahagian dari kelompok yang lebih besar, tidak boleh lari dari isu-isu, simbol, dan label etnisiti. Kita juga tidak boleh lari dari terlibat dengan aksi tolak-tarik dan perdebatan positif-negatif etnisiti. Yang penting ialah kita mengakui dan menerima bahawa wujudnya senario ini dan berusaha supaya cara penyelesaian yang terbaik dapat ditimbulkan. Perkara-perkara dan nilai-nilai yang boleh dianggap sebagai positif haruslah ditonjol dan difokuskan. Perkara yang negatif *didownplaykan*, sementara usaha-usaha yang berterusan dijalankan untuk mencari jalan penyelesaian yang sesuai untuk masalah tersebut. Tidak dilupakan atau diketepikan, tetapi *didownplaykan* untuk sementara waktu, dan dihadapi bila senario telah berubah menjadi lebih baik dan masyarakat lebih bersedia untuk menghadapinya.

Isu hubungan etnik dan masalah yang timbul dari "hubungan" ini bukanlah perkara yang baru dalam konteks Malaysia. Masalah tinggalan era penjajah ini kerap timbul dari masa ke semasa walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurus dan menyelesaikannya. Dalam beberapa tahun ini sahaja, kita telah berhadapan dengan insiden-insiden yang

mencabar keutuhan hubungan etnik di negara ini dan memberi tanda tanya tentang keberkesanan program-program yang telah diperkenalkan untuk mewujudkan perdamaian dan perhubungan etnik yang positif. Antara insiden-insiden besar termasuk kes-kes Kampong Rawa pada tahun 1998 dan Kampong Medan pada tahun 2001. Disamping itu, data-data yang dikumpulkan oleh Jabatan Perpaduan mengenai insiden konflik sosial dari tahun 1998 hingga 2004 menunjukkan bahawa walaupun insiden konflik kerana isu etnik atau perkauman adalah sedikit (cuma 1% dari semua jenis isu konflik), insiden-insiden lain yang melibatkan isu-isu seperti sosial, agama, keselamatan, politik, dan ekonomi, banyak melibatkan aktor atau pelaku dari kumpulan etnik yang berbeza. Ini boleh dibaca dengan dua cara. Satu, kita tidak perlu bimbang dengan isu etnik kerana ianya bukan isu utama yang menimbulkan konflik di negara ini. Kedua, kita harus meneruskan usaha memperbaiki hubungan etnik kerana majoriti insiden konflik sosial yang berlaku melibatkan pihak atau aktor dari kumpulan etnik yang berbeza. Bahayanya jika insiden-insiden ini tidak ditangani dengan baik, mereka mungkin akan meningkat menjadi konflik etnik. Bahayanya juga jika hubungan etnik ahli masyarakat Malaysia tidak baik, tren ini akan berterusan dan kesemua insiden yang berlaku akan difafsirkan oleh pihak-pihak tertentu sebagai konflik etnik, kerana aktor-aktornya adalah dari kumpulan etnik yang berbeza.

Selain dari insiden-insiden konflik sosial yang tercatat ini, indikator lain perhubungan etnik adalah tanggapan masyarakat sendiri terhadap status dan tahap perhubungan antara etnik yang dibuat secara pemerhatian kasar dan analisa oleh ahli masyarakat. Saban hari kita sering mendengar keluhan-keluhan tentang status dan tahap hubungan etnik. Ini selalunya dilakukan oleh beberapa kelompok. Pertama, golongan yang pernah melalui era perpaduan dalam masyarakat. Yang membesar, bermain, belajar, dan berkongsi sejarah dalam masyarakat majmuk dengan kepelbagaian etnik, budaya, dan agama. Golongan ini sering membuat perbandingan antara masyarakat sekarang dengan masyarakat dahulu, dan melihat masyarakat sekarang sebagai sudah hilang perpaduan, dan hubungan etnik sekarang tidak lagi semurni dulu kerana telah dikotori oleh politik – ahli politik dan kepentingan politik. Kedua, golongan yang melihat hubungan etnik sebagai sesuatu yang tidak relevan. Yang melihat kepentingan sendiri, samada individu ataupun kelompok, samada ekonomi atau politik, samada sekarang atau masa depan, sebagai sesuatu yang lebih penting. Usaha mencapai perpaduan yang dijalankan dilihat sebagai boleh melemahkan (secara sengaja atau tidak) kepentingan dan kedudukan mereka yang selalunya sangat fokus, kepada etnisiti, bahasa, budaya, ekonomi, serta politik. Keluhan-keluhan ini harus ditanggapi sebagai cabaran pembangunan negara.

Menghadapi cabaran yang ditimbulkan oleh hubungan etnik bukannya mudah. Pelbagai usaha telah dijalankan termasuk penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada awal tahun tujuhpuluhan yang telah memperkenalkan program-program memupuk perpaduan dalam masyarakat. Antara program-program yang telah diperkenalkan oleh negara untuk menangani masalah ini termasuklah Rukun

Tetangga hinggalah kepada Pelan Integrasi Nasional; penubuhan sekolah-sekolah Wawasan; menjalankan program Khidmat Negara untuk golongan belia, disamping banyak lagi program-program yang memfokuskan kepada kelompok belia ini; program "Kongsi-Raya" dan lain-lain yang berusaha untuk mempromosi perpaduan dan kefahaman tentang budaya yang berbeza melalui cara meraikan hari kebesaran semua kelompok secara bersama; dan lain-lain lagi.

Di peringkat pengajian tinggi pula, fokus telah diberikan kepada pembelajaran dan pemahaman budaya yang berbeza dengan harapan akan timbul apresiasi di kalangan mahasiswa terhadap budaya-budaya tersebut. Pengenalan kursus-kursus ini selalunya bersesuaian dan bertindan dengan cabaran-cabaran terkini yang dihadapi oleh negara. Contohnya, bila Islam sedang dilihat oleh sebahagian kelompok sebagai agama yang sering dikaitkan dengan keganasan dan penggunaan kekerasan, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara diperkenalkan. Ini diteruskan di peringkat nasional dengan memperkenalkan konsep Islam Hadhari supaya Islam dapat dikaitkan kembali dengan fokusnya yang sebenar iaitu pembangunan insan, pembangunan masyarakat, dan perdamaian.

Pengenalan kursus hubungan etnik di institusi pengajian tinggi negara yang begitu hangat diperdebatkan pada masa ini pula adalah sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah hubungan etnik yang sering menjadi isu dalam proses pembangunan negara. Ianya tidak bersifat reaktif, kerana ini bukanlah masalah yang baru, tetapi lebih kepada meneruskan kesinambungan dalam usaha kita untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu ini. Huraian diatas yang berdasarkan kajian dan sejarah menunjukkan bahawa ianya adalah sesuatu yang sangat perlu. Fokusnya kepada golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi adalah sesuai, dan usaha-usaha Kementerian Pengajian Tinggi haruslah disokong dan dibantu. Pengenalan kursus seumpama ini adalah yang terbaik kepada golongan ini kerana disamping didedahkan kepada konsep-konsep hubungan etnik, mereka juga diberi peluang untuk melakukan aktiviti secara bersama yang bukan sahaja dapat menambah ilmu tentang isu yang difokuskan, tetapi lebih penting lagi dapat menggalakkan interaksi antara mereka. Contohnya, di Universiti Sains Malaysia (USM), disamping mengikuti kuliah tentang hubungan etnik di negara ini, mahasiswa juga diletakkan di dalam kumpulan-kumpulan kecil untuk menjalankan praktikum atau kerja luar dengan menfokuskan kepada isu-isu berkenaan masyarakat Malaysia sebagai bahan kajian. Isu-isu ini merujuk kepada kepelbagaian etnik di Malaysia dengan harapan akan timbul dan berkembang apresiasi mahasiswa terhadap kekayaan budaya, adat resam, dan cara hidup yang berbeza di negara ini. Tajuk-tajuk yang telah dipilih oleh mahasiswa sebagai tajuk praktikum ini pada semester 2005/2006 yang lalu termasuk kajian terhadap alat muzik, tarian, atau pakaian tradisional; kepercayaan-kepercayaan dan hari-hari perayaan yang utama; tokoh dan karyawan dalam sejarah pembentukan dan pembangunan negara; serta amalan-amalan seharian termasuk apa yang dimakan, dijadikan sebagai permainan, dan lain-lain lagi. Penekanan diberikan khususnya kepada

mempelajari dan memahami apa yang menjadi amalan kumpulan etnik yang lain. Interaksi dalam kumpulan yang berbilang kaum serta interaksi dengan responden untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tajuk yang dipilih dapat memberi ruang dan peluang mengeratkan lagi hubungan etnik antara mahasiswa di institusi pengajian tinggi, serta antara mereka dengan ahli masyarakat.

Ini semua dilakukan dalam keadaan kita sedar bahawa usaha perpaduan dan memantapkan hubungan etnik bukanlah sesuatu yang hanya boleh "diajarkan" kepada masyarakat, terutamanya golongan muda. Ianya adalah sesuatu yang seharusnya dirasakan, dinikmati, dan dilalui bersama. Ia seharusnya dimulakan pada peringkat yang paling awal kerana pada waktu itulah kanak-kanak mempelajari pelajaran-pelajaran yang paling berguna dalam hidup mereka dan yang akan menjadi pegangan hidup mereka nanti. Pada waktu itu juga mereka secara umumnya belum diwarnai dengan warna-warna kehidupan dengan efeknya yang pelbagai, positif maupun yang negatif. Kita juga tahu bahawa pengaruh kepada mereka yang paling utama pada ketika itu ialah ibubapa, ahli keluarga, dan guru. Inilah golongan-golongan yang seharusnya menjadi sasaran kita kerana disinilah semuanya bermula.

Kembali kepada hubungan etnik di IPT, pendekatannya boleh dimantapkan lagi. Memantapkan program ini memerlukan kita untuk melihat isu hubungan etnik di negara ini dari kacamata perpaduan dan perdamaian. Memantapkannya juga memerlukan kita memberi ruang yang lebih luas kepada golongan akademik, terutama pensyarah dan mahasiswa, untuk berbincang secara jujur dan ikhlas tentang isu-isu yang mungkin dianggap sensitif. Tafsiran, tanggapan, dan andalan mereka mungkin berbeza-beza bila membincangkan konsep-konsep hubungan etnik, begitu juga dengan pendapat mereka tentang sejarah pembentukan negara dan pelajaran masa silam, tetapi kepelbagaian pendapat seperti ini tidak dapat dielakkan dalam negara yang mempunyai kepelbagaian budaya dan yang kaya dengan kepelbagaian ini. Kepelbagaian pendapat ini harus dipertahankan jika kita ingin menjadi negara yang matang. Jika golongan akademik mentafsirkan konsep dan sejarah sedemikian rupa, peranan masyarakat bukanlah untuk menyekat tafsiran ini, tetapi membincangkannya, dan memberikan ruang untuk ianya dibincangkan. Perbincangan ini juga seharusnya berlaku dalam senario yang tidak melibatkan golongan politik dengan kepentingan politik yang kadang-kadang agak sempit.

Memantapkannya juga memerlukan kita kembali menekankan perhubungan antara hubungan etnik dengan perpaduan dan dengan perdamaian. Hubungan etnik adalah sinonim dengan perpaduan. Perpaduan adalah kedua-dua matlamat akhir dan juga proses yang dapat membantu kita mencapai objektif bersatu-padu. Perpaduan sebagai matlamat akhir adalah satu keadaan dimana masyarakat yang berbilang etnik dapat hidup dalam satu masyarakat sebagai sebuah komuniti masyarakat Malaysia. Perbezaan, yang jelas dan tidak jelas, masih tetap wujud dalam komuniti ini kerana setiap kumpulan membawa keistimewaan mereka yang tersendiri.